

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
PEKELILING TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR CIDB Bil 1/2014**

**1.0 Pendahuluan**

Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kontraktor 1995.

**2.0 Tujuan**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memberi **PERINGATAN** kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga untuk memberikan perhatian serius kepada tanggungjawab kontraktor terhadap keselamatan kerja pembinaan terutamanya yang menyentuh keselamatan orang awam.

**2.1 Tanggungjawab kontraktor untuk mematuhi undang-undang bertulis.**

Semua kontraktor adalah bertanggungjawab untuk mematuhi kehendak undang-undang yang mewajibkan kontraktor menjaga keselamatan dan kesihatan orang awam. Diantara undang-undang tersebut adalah seperti yang dilampirkan.

**2.2 Tanggungjawab kontraktor untuk tidak cuai dalam melaksanakan kerja-kerja pembinaan.**

**3.0 Kegagalan mematuhi undang-undang.**

Kontraktor yang gagal mematuhi kehendak mana-mana undang-undang bertulis boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana telah melanggar syarat-syarat pendaftaran yang dikeluarkan dibawah Peraturan 3 atau 5, Peraturan-peraturan Pendaftaran Kontraktor 1995 yang boleh mengakibatkan pendaftarannya dengan Lembaga dibatal atau digantung atau ditarik balik.

**4.0 Kecuaian Kontraktor.**

Mana-mana Kontraktor yang didapati cuai oleh mahkamah atau mana-mana lembaga penyiasatan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan mana-mana kerja pembinaan yang diaku janji boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 15(1)(f) Peraturan-peraturan Pendaftaran Kontraktor 1995 yang boleh mengakibatkan pendaftarannya dengan Lembaga dibatal atau digantung atau ditarik balik.

**5.0 Tarikh Kuatkuasa**

Pekeliling ini terpakai dan berkuatkuasa serta-merta.

**"MEMBINA KEJAYAAN ANDA"**

  
**(YBHG. DATO SRI IR. DR. JUDIN ABDUL KARIM)**

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

1 September 2014

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
PEKELILING TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR CIDB Bil 1/2014**

| AKTA  | SEKSYEN  |
|---|--|
| <p>Kanun Keseksaan (Akta 574)</p>                     | <p><b>Menyebabkan Kematian dengan cuai.</b></p> <p><b>Seksyen 304A.</b> Barang siapa menyebabkan kematian seseorang, dengan melakukan apa-apa perbuatan gopoh atau cuai yang tidak terjumlah kepada mematikan orang dengan salah, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda atau dengan kedua-duanya.</p>  |
|   | <p><b>Seksaan bagi kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh.</b></p> <p><b>Seksyen 304.</b> Barang siapa melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang hendaklah diseksa-</p> <p>a) dengan penjara yang boleh sampai tiga puluh tahun dan bolehlah juga dikenakan denda, jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian, atau hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian; atau</p> <p>b) dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya jika perbuatan itu dilakukan dengan mengetahui bahawa perbuatan itu mungkin menyebabkan kematian, akan tetapi dengan tiada apa-apa niat hendak menyebabkan kematian, atau sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian.</p>  |
| <p>Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)</p> | <p><b>Penalti kerana bangunan atau kerja tanah gagal</b></p> <p><b>Seksyen 71.</b> Jika sesuatu bangunan atau sesuatu bahagian bangunan gagal, sama ada pada masa pembinaannya atau selepas ia siap, atau jika terdapat apa-apa kegagalan berhubung dengan sesuatu kerja tanah atau sesuatu bahagian daripada mana-mana kerja tanah, sama ada pada masa perjalanan kerja tanah itu atau selepas ia siap, dan kegagalan itu adalah disebabkan oleh mana-mana satu atau lebih daripada faktor yang berikut:</p> <p>(a) bangunan atau bahagian bangunan itu atau kerja tanah atau bahagian daripada kerja tanah itu tersalah bina atau tidak adanya penyeliaan yang sepatutnya semasa pembinaannya;</p> <p>(b) bangunan atau bahagian bangunan itu atau kerja tanah atau bahagian daripada kerja tanah itu tersalah reka bentuk atau tersalah kira; atau</p> <p>(c) tersalah guna, orang yang bertanggungjawab atas—</p> <p>(aa) salah binaan atau tidak adanya penyeliaan yang sepatutnya itu;</p> <p>(bb) salah reka bentuk atau salah kiraan itu; atau</p> <p>(cc) salah gunaan itu,</p> <p>boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.</p> |

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
PEKELILING TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR CIDB Bil 1/2014**

|   |   |
|---|---|
| <p><b>Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja 1994 (Akta 514) Dan Peraturan-Peraturan.</b></p> | <p><b>Kewajipan am majikan dan orang yang bekerja sendiri kepada orang-orang selain daripada pekerja mereka.</b></p> <p><b>Seksyen 17(1)</b> Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk menjalankan pengusahaannya dengan cara memastikan setakat yang praktikal, bahawa dia dan orang-orang lain, yang bukan pekerjanya, yang mungkin tersentuh oleh perusahaan itu tidak terdedah kepada risiko kepada keselamatan atau kesihatan mereka oleh sebab perusahaan itu.</p> <p><b>Seksyen 17(2)</b> Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri, dalam hal yang keadaan yang ditetapkan dan mengikut cara yang ditetapkan, untuk memberi orang-orang yang bukan pekerjanya yang mungkin tersentuh dengan cara dia menjalankan pengusahaannya, maklumat yang ditetapkan tentang apa-apa aspek cara dia menjalankan pengusahaannya yang boleh menyentuh keselamatan atau kesihatan mereka.</p> <p><b>Penalti bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 15,16,17 atau 18.</b></p> <p><b>Seksyen 19.</b> Seseorang yang melanggar peruntukan seksyen 15,16,17, atau 18 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.</p>   |
| <p><b>Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154)</b></p>                       | <p><b>Larangan terhadap tindakan menimbulkan keadaan yang mungkin membiakkan atau memberi perlindungan kepada serangga pembawa penyakit</b></p> <p><b>13. (1)</b> Tiada seorang pun boleh melaku atau menjalankan apaapa tindakan yang boleh, atau yang mungkin, menimbulkan sesuatu keadaan yang boleh membiakkan dan memberi perlindungan kepada serangga pembawa penyakit, atau membenarkan atau membiarkan keadaan itu terjadi atau berterusan.</p> <p>(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini.</p> <p><b>Penalti am</b></p> <p><b>23.</b> Seseorang yang bersalah atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya yang baginya tiada penalti tertentu diperuntukkan boleh apabila disabitkan—</p> <p>(a) berkenaannya dengan sesuatu kesalahan pertama didenda tidak melebihi *sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya;</p> <p>(b) berkenaannya dengan sesuatu kesalahan kedua atau yang kemudiannya didenda tidak melebihi **lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya;</p> <p>(c) berkenaannya dengan sesuatu kesalahan yang berterusan didenda selanjutnya tidak melebihi***lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu diteruskan.</p> |